

MEMORANDUM PENGURUSAN AUDIT (MPA)

TAJUK: CADANGAN PERMOHONAN PERUNTUKAN BAGI PELAKSANAAN MESYUARAT UNIT AUDIT DALAM (UAD) MITI DAN AGENSI BIL. 1 TAHUN 2025 DI MPC KUALA LUMPUR

1. Pengenalan:

Mesyuarat Audit Dalam ini merupakan satu platform penting yang menghimpunkan Ketua Unit Audit Dalam(UAD) dan Juruaudit dari MITI serta agensi-agensi di bawahnya bagi membincangkan isu-isu berkaitan pelaksanaan audit dan hala tuju strategik fungsi audit dalam memperkukuhkan tadbir urus secara menyeluruh. Mesyuarat diadakan sebanyak 2 kali setahun secara penggiliran di antara UAD MITI dan Agensi. Lanjutan daripada sesi perbincangan KUAD MITI & Agensi yang telah diadakan pada 6 Jun 2025, ahli mesyuarat telah bersetuju supaya pelaksanaan Mesyuarat Unit Audit Dalam (UAD) MITI & Agensi Bil. 1 Tahun 2025 diadakan bertempat di MPC.

2. Objektif:

- i. Meningkatkan kefahaman berhubung hala tuju dan keperluan audit dalam MITI dan agensi;
- ii. Menyediakan ruang perkongsian amalan terbaik (best practices) dalam pelaksanaan audit dalam;
- iii. Mengukuhkan kerjasama antara UAD MITI dan agensi di bawahnya; dan
- iv. Membincangkan cabaran dan penyelesaian dalam proses pengauditan semasa.

3. Latar Belakang & Justifikasi:

Unit Audit Dalam (UAD) berperanan penting sebagai mekanisme kawalan dalaman yang memastikan keberkesanan operasi sesebuah organisasi. Penganjuran mesyuarat ini bukan sahaja memperkukuh jaringan kerjasama

antara juruaudit MITI dan agensi, malah ia turut menjadi medium pemantapan profesionalisme dan penyelarasan fungsi audit. Secara langsung, ia menyumbang kepada peningkatan integriti, kebertanggungjawaban dan ketelusan tadbir urus organisasi.

4. Output Mesyuarat:

- i. Menyelaraskan Rancangan Audit Tahunan (RAT) Tahun 2026 bagi MITI dan agensi-agensi di bawahnya secara lebih komprehensif;
- ii. Pelan tindakan bagi penganjuran kursus atau latihan bersama untuk tahun 2026, termasuk penetapan penyelarar yang bertanggungjawab bagi setiap kursus atau latihan yang dicadangkan; dan
- iii. Pemerkasaan kerjasama melalui perkongsian amalan terbaik (best practices) yang berpotensi untuk diadaptasi dan dilaksanakan oleh MITI serta agensi.

5. Tujuan:

Kertas cadangan ini dikemukakan bagi mendapatkan kelulusan peruntukan bagi pelaksanaan Mesyuarat Unit Audit Dalam (UAD) MITI dan Agensi Tahun 2025 bertempat di MPC Kuala Lumpur.

6. Kaedah Pelaksanaan:

Mesyuarat ini akan dilaksanakan secara fizikal, seperti berikut:

Tarikh : 28 Julai 2025 (Isnin)
Masa : 9.30 pagi – 1.00 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Perdana 1, MPC Kuala Lumpur

7. Maklumat Peserta:

Seramai 25 orang terdiri daripada Ketua Unit Audit Dalam dan Juruaudit daripada MITI dan agensi.

8. Anggaran Perbelanjaan:

Butiran	Kuantiti	Kadar (RM)	Peruntukan	Jumlah (RM)
---------	----------	------------	------------	-------------

Makan & Minum (Minum pagi & Makan tengahari)	25 pax	RM23 (pagi RM8 & tghari RM15)	Operasi (Mengurus) – CSL/IA - P29401	575.00
Jumlah Keseluruhan (RM)				575.00

8. Syor

Ahli Lembaga Pengurusan dipohon untuk mempertimbangkan permohonan peruntukan sebanyak RM575.00 bagi tujuan pelaksanaan Mesyuarat Unit Audit Dalam MITI dan Agensi Bil. 1 Tahun 2025 bertempat di MPC Kuala Lumpur.

Disediakan oleh:



Mohamad Nor Bolhi
Pengurus
Unit Audit Dalam
Tarikh: 7/7/2025

Disemak oleh:



Asmahan Othman
Pengurus Kanan
Unit Audit Dalam
Tarikh: 7/7/2025

Disokong oleh:



Sugumar Saminathan
Pengarah / KUAD
Unit Audit Dalam
Tarikh: 8/7/2025

TENTATIF PROGRAM

Tajuk: Mesyuarat Unit Audit Dalam (UAD) MITI & Agensi

Bil. 1 Tahun 2025

Tarikh: 28 Julai 2025 (Isnin)

Masa : 9.30 Pagi- 1.00 Petang

Tempat : Bilik Perdana 1, MPC Kuala Lumpur

Pengerusi: En Mohd. Fadhli Khalid, Ketua Unit Audit Dalam (KUAD) MITI

MASA	PERKARA
9.00 pagi	Ketibaan Wakil KUAD & Juruaudit MITI & Agensi
9.30 pagi	Ucapan Aluan oleh: Pn. Asmahan Othman Ketua Unit Audit Dalam (KUAD) MPC
9.35 pagi	Ucapan Pembukaan Mesyuarat oleh: YBrs. En. Mohd Fadhli Khalid Ketua Unit Audit Dalam (KUAD) MITI
10.00 pagi	Rehat & Jamuan Ringan
10.30 pagi – 12.15 tengah hari	a. Perbincangan : i. Rancangan Tahun Audit tahun 2025 ii. Kursus / Latihan 2026 b. Perkongsian amalan terbaik oleh Pn Jamilah, MATRADE
12.15 tengah hari	Hal – hal lain
1.00 petang	Makan tengah hari & Tamat

